

## Jual bantal comel, bantu pesakit kanser payudara

**BATUFERRINGHI** - Hard Rock Hotel Penang, di sini, mengambil inisiatif menjual lebih 500 bantal untuk membantu pesakit kanser payudara.

Pengurus Komunikasi dan Pemasarannya, Angeline Chen berkata, wang hasil jualan bantal akan disalurkan kepada Hospital Kanser Mount Miriam di Tanjung Bungah.

"Ia adalah bantal comel istimewa sempena Kempen Pinktober oleh Hard Rock Hotel Penang dan ia adalah sangat terhad," katanya kepada *Sinar Harian*.

Pinktober adalah kempen

kali ketujuh diadakan sejak tahun 2010.

Angeline berkata, Pinktober akan dijalankan sepanjang bulan ini dengan jualan bilik juga akan disalurkan kepada hospital yang sama.

"Hanya pada bulan ini beberapa buah bilik kami akan dihias dengan warna istimewa iaitu merah jambu dan 25 peratus hasil jaluannya akan didermakan.

"Bukan itu saja, pengunjung juga boleh bergambar dengan beberapa barang yang berwarna merah jambu termasuk beca dan juga kereta mewah," katanya.



Kakitangan Hard Rock Hotel Penang menunjukkan bantal comel yang dijual khas bagi membantu pesakit kanser.